

Anwar diumumkan Ketua Pembangkang

Pelantikan dapat sokongan Ahli Parlimen pembangkang

Kuala Lumpur: Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim, diumumkan sebagai Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat semalam.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamad Ariff Md Yusof, mengumumkan perkara itu pada sesi pagi persidangan semalam selepas puas hati mengenai sokongan wakil pembangkang selepas Perikatan Nasional (PN) mengambil alih pentadbiran.

“Saya berpuas hati Anwar mendapat sokongan daripada Ahli Parlimen pembangkang untuk dipilih sebagai Ketua Pembangkang,” kata Mohamad Ariff sebelum usul supaya beliau mengo-

songkan jawatannya dibentangkan.

Pada persidangan yang bermula jam 10 pagi itu, Mohamad Ariff juga menjelaskan prosedur operasi standard (SOP) di Dewan Rakyat, termasuk langkah penjarakan sosial.

Sidang kali ini akan berlangsung selama 25 hari sehingga 27 Ogos depan.

Anwar sebelum ini pernah mengetuai blok pembangkang di Dewan Rakyat sebanyak dua kali selepas Pilihan Raya Umum 2008 dan 2013.

Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Parlimen Ke-14 yang bermula semalam juga menyaksikan sedikit perubahan bagi susunan kerusi semua 222 Ahli Parlimen.

Berdasarkan pelan tempat duduk Ahli Parlimen hanya, 174 Ahli Parlimen yang duduk di ruang utama Dewan Rakyat, manakala bakinya ditempatkan di galeri awam dan tempat duduk pegawai

berikutan SOP penjarakan sosial yang ditetapkan bagi membendung penularan COVID-19.

Beberapa Ahli Parlimen kerajaan ditempatkan di galeri awam, manakala beberapa Ahli Parlimen pembangkang ditempatkan di tempat duduk pegawai.

Bagi kedudukan di ruang utama Dewan Rakyat, tempat duduk kerajaan masih di kanan Speaker di blok A, B dan C bermula dengan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; diikuti Menteri Kanan (Ekonomi), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Kanan (Kerja Raya), Datuk Seri Fadillah Yusof dan Menteri Kanan (Pendidikan), Dr Mohd Radzi Jidin.

Ahli Parlimen pembangkang dan Bebas ditempatkan di sebelah kiri Speaker di blok E diketuai Datuk Seri Anwar Ibrahim

BH - 14/7/2020 m/s:5



Anwar menghadiri Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Parlimen Ke-14 di Bangunan Parlimen, semalam.

(Foto BERNAMA)

(PH-Port Dickson) sebagai Ketua Pembangkang diikuti Mohamad Sabu (PH-Kota Raja), Lim Guan Eng (PH-Bagan) dan Datuk Seri Shafie Apdal (WARISAN-Semporna).

Tun Dr Mahathir Mohamad (Bebas-Langkawi) pula duduk di blok D bersama Datuk Seri Mukhriz Mahathir (Bebas-Jerlun); Dr

Maszlee Malik (Bebas-Simpang Renggam); Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Bebas-Muar) dan Datuk Amiruddin Hamzah (Bebas-Kubang Pasu).

Datuk Seri Najib Razak (BN-Pekan) dan Datuk Seri Abdul Hadi Awang (PAS-Marang) ditempatkan di blok C bersama penyokong kerajaan.